

TERMA RUJUKAN JAWATANKUASA SEMAKAN SISTEM (JKSS) UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH

1.0 PENGENALAN

Jawatankuasa Semakan Sistem (JKSS) merupakan sebuah jawatankuasa yang ditubuhkan di peringkat Pusat Teknologi Digital (DiTec). JKSS berperanan untuk membincang dan menyelaras berkenaan pembangunan serta penambahbaikan sistem di UMPSA. Selain itu, penubuhan JKSS juga merupakan medium komunikasi diantara pembangun sistem dan pemilik sistem.

2.0 KEAHLIAN

- a) **Pengerusi**
Pengarah PTMK

- b) **Ahli**
 - i. Timbalan Pengarah PTMK
 - ii. Penolong Pengarah Bahagian Infostruktur Digital
 - iii. Ketua Seksyen di Bahagian Infostruktur Digital
 - iv. Ketua Unit di Bahagian Infostruktur Digital
 - v. Pakar Rujuk Khusus (SME) Pusat Data dan Pemulihan Bencana
 - vi. Pengurus Kanan JPPTM
 - vii. Wakil Jabatan Pendaftar (Governance)

- c) **Sekretariat**
 - i. Pegawai Teknologi Maklumat
 - ii. Penolong Pegawai Teknologi Maklumat

- d) Pengerusi berhak melantik sesiapa sahaja sebagai keahlian dan sekretariat dalam jawatankuasa mengikut keperluan.

- e) Pengerusi boleh melantik di kalangan mana-mana ahli jawatankuasa untuk menjalankan fungsi sebagai Pengerusi.

- f) Korum bagi mesyuarat JKSS adalah sekurang-kurangnya lima (5) orang ahli jawatankuasa termasuk pengerusi mesyuarat.
- g) Sekiranya ahli mesyuarat tidak dapat hadir atas sebab yang tidak dapat dielakkan, ahli yang berkenaan boleh menghantar wakil.

3.0 PROSES KERJA

Merujuk kepada Carta Alir Permohonan Sistem dan UMP-ISMS-P2-015: Prosedur Pembangunan Sistem Aplikasi

4.0 KEKERAPAN MESYUARAT

Sekurang-kurangnya tiga (3) kali setahun.

5.0 BIDANG TUGAS

- i. Menyemak permohonan dan mencadangkan kelulusan kepada mesyuarat pengurusan Jabatan Pengurusan Pengetahuan & Teknologi Maklumat (JPPTM).
- ii. Mengurus dan menyelaras proses pembangunan dan penambahbaikan sistem aplikasi.
- iii. Mengurus dan menyelaras dokumen-dokumen berkaitan proses pembangunan sistem aplikasi.
- iv. Membuat analisa keperluan sistem.
- v. Membuat perancangan pembangunan sistem-sistem yang akan dibangunkan.
- vi. Memantau kemajuan kerja-kerja pembangunan dan penambahbaikan sistem secara berkala.
- vii. Memberikan khidmat nasihat bagi pembangunan dan penambahbaikan sistem secara khidmat sumber luaran (outsourcing)
- viii. Menyediakan aliran proses kerja yang jelas dan boleh dirujuk apabila diperlukan;

- ix. Memastikan sistem sentiasa dikemaskini mengikut keperluan pengguna dan semasa.

6.0 STRUKTUR JAWATANKUASA SEMAKAN SISTEM (JKSS)

